

Denda mat rempit tolak motosikal tiga kilometer

19 Disember 2017



MAT rempit diarah menolak motosikal selepas ditahan atas pelbagai kesalahan trafik, kelmarin.

Butterworth

Denda mat rempit tolak motosikal tiga kilometer

Ratusan mat rempit didenda menolak motosikal sejauh tiga kilometer dari Hentian Rehat dan Rawat (R&R) Bagan Ajam ke Balai Polis Butterworth di sini, selepas ditahan dalam Op Samseng Jalanan bermula jam 4 petang kelmarin.

Sebelum itu, kelibat kumpulan mat rempit dilihat mempamerkan pelbagai aksi bahaya dan ada

membawa teman wanita.

Bagaimanapun, kumpulan mat rempit berkenaan tidak menyedari aksi mereka diperhatikan anggota polis yang membuat penyamaran dengan berpakaian preman di sekitar R&R terabit.

* Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara (SPU) Asisten Komisioner Noorzainy Mohd Noor berkata,

operasi diketuai Ketua Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik SPU Asisten Superintendant Zukifli Azizan sambil dibantu pegawai dari Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Ibu Pejabat Kontinjen (IPK) Pulau Pinang, dua anggota Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan lapan anggota Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK).